

04 DEC 1998

Karnival-Pesawat

KRUL AKAN PAMER PESAWAT YANG BERUPAYA MENDARAT DI LAUT

LANGKAWI, 4 Dis (Bernama) -- Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL) dijangka mempamerkan sebuah pesawat ringan yang boleh mendarat di laut pada Karnival Udara Langkawi (LAC 1998) di sini esok.

Pesawat dua tempat duduk itu yang pertama dipasang di sini boleh mendarat di laut dan di darat serta telah dipandu uji hari ini sebelum dipamerkan kepada umum.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan karnival tiga hari itu petang esok, kata Timbalan Presiden KRUL Encik Mansor Haji Ismail hari ini.

Pesawat itu dipasang oleh juruterbang-juruterbang KRUL dan merupakan kejayaan terbaik setakat ini dalam kemajuan industri penerbangan negara, katanya.

Sementara itu, bahang seumpama Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) mula dirasai apabila beberapa pesawat MiG-29 dan F18 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mengadakan latihan untuk pertunjukkan pada LAC 1998 di sini esok.

Mansor yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja LAC 1998 berkata, LAC 1998 adalah untuk memperkenalkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan karnival.

Ia dijangka menjadi pembuka jalan ke arah penganjuran LIMA 1999 yang lebih hebat kerana penganjur LAC dan Lima memutuskan kedua-dua acara itu diadakan berselang seli.

Beliau berkata pelbagai acara menarik disediakan kepada pengunjung karnival ini seperti pertunjukan penerjunan oleh 30 anggota pasukan payung terjun daripada Wilayah Persekutuan, pameran pesawat ringan, peluang menikmati keindahan Langkawi menerusi udara melalui acara Penerbangan Ria dengan bayaran RM30 bagi dewasa dan RM20 bagi kanak-kanak.

Menurut beliau, sehingga ini kira-kira 76 pesawat ringan dari Kelab-kelab penerbangan di seluruh negara dan luar negeri termasuk enam dari Singapura dan Thailand mengesahkan penyertaan.

Karnival itu dianjurkan oleh KRUL, Jabatan Penerbangan Awam Malaysia dengan acara sampingan dikelolakan oleh Red Creative Sdn Bhd.

-- BERNAMA

ZI NH PR